



PELAJAR UniSZA bersama pensyarah mereka menjayakan Program Sarong Mayang #dokbaudoh.



SELESA SOLAT

■ 23 sukarelawan UniSZA anjur program bersihkan telekung wakaf sempena program Sarong Mayang #dokbaudoh

disediakan di Masjid UniSZA dan beberapa surau di ins-titusi itu untuk memberikan keselesaan kepada penggu-na.

Mereka terdiri daripada penuntut Ijazah Sarjana Mu-da (Antropologi dan Dak-wah) yang menjalankan ak-tiviti kesukarelawan mene-nitisi program Sarong Ma-

yang #dokbaudoh. Melalui program itu, ia di-harap dapat mendidik ma-syarakat supaya mengamal-kan ajaran Islam sebenar de-ngan menjaga kebersihan dan kekemasan di dalam masjid dan surau.

Pengarah Projek, Izzat Im-ran Wahid berkata, pihaknya menerima sumbangan lebih

100 pasang telekung yang di-jahit dengan label Sarong Mayang bagi memudahkan kumpulan sukarelawan itu menukar setiap telekung yang berbau dan kotor.

"Selain membersihkan te-lekung, sejadah dan ruang solat dalam masjid, program itu bertujuan mendidik ma-syarakat supaya lebih pri-

hatin dengan kebersihan pa-kaian solat dan menerapkan sikap bertanggungjawab da-lam menjaga barang wakaf yang disediakan.

"Masalah yang biasa ter-jadi kepada wanita ketika hendak solat ialah telekung wakaf berbau dan hapak, malah ada juga mempunyai kesan solekan dan bintik hi-

tam kerana basah serta tidak digantung dengan baik," ka-tanya.

Katanya, pihaknya me-nyediakan bakul di dalam masjid dart surau setiap hu-jung minggu untuk memberi peluang kepada mana-mana pihak yang ingin beramal dengan membasuh telekung berkenaan.

Ahmad Rabiah Zulkiffi
news5@nstp.com.my

Kuala Nerus

S eramai 23 sukarela-wan Universiti Sultan Zainal Abidin (Uni-SZA) bekerjasama member-sihkan telekung wakaf yang